

14 SEP 1996  
Tajol-Lampu  
KAMPUNG BERCAHAYA MENJELANG 2000

GRIK, 14 Sept (Bernama) -- Setiap kampung di negara ini akan diterangi dengan lampu-lampu jalan menjelang tahun 2000.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kini mengusahakan projek menerangi setiap kampung itu dengan bantuan Tenaga Nasional Berhad, kata Timbalan Menteri berkenaan Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Katanya dengan langkah itu semua kampung akan bertambah ceria dan aktiviti-aktiviti waktu malam seperti perniagaan dan sukan dapat dijalankan selain menghindarkan kemalangan serta kecurian.

Beliau menjelaskan bahawa langkah memasang lampu-lampu jalan itu merupakan sebahagian daripada projek bandaraya bercahaya - menerangi setiap bandar dan kampung - yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sebulan dua lagi.

Projek bandaraya bercahaya itu akan dilancarkan bersama program mewujudkan negara dalam taman, kata Tajol sebagai pengerusi kedua-dua projek itu kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ulangtahun ke-50 dan pelancaran kampung angkat RTM peringkat negeri di sini semalam.

Tenaga Nasional buat permulaan memperuntukkan 2,000 tiang lampu untuk dipasang di kampung-kampung.

Tajol berkata setiap tiang lampu jalan yang dipasang itu akan dijadikan anak angkat kepada penduduk kampung supaya pembayaran bil elektrik bagi lampu jalan itu dibiayai mereka.

Beliau meminta syarikat-syarikat swasta turut membantu membina lanskap di setiap kawasan bandar dan menjadikan lanskap itu anak angkat masing-masing.

Katanya kementerian telah mengenalpasti kawasan-kawasan yang memerlukan bantuan mewujudkan lanskap. -- BERMAMA

PBA RON